

## **MEMPERTINGKATKAN DAYA SAING BANGSA**

*Yang Berhormat Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri  
Utama Dr. Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri bin Begawan Pehin Udana Khatib  
Dato Seri Paduka Haji Awang Umar*

Keadaan bangsa dan negara di seluruh dunia pada masa ini sedang sibuk mengatur rancangan untuk menguasai negara dan bangsanya masing-masing dan berlumba-lumba hendak mengalahkan negara dan bangsa lain supaya bangsanya lebih terkemuka dan lebih berkuasa daripada bangsa-bangsa lain itu. Yang paling ketara langkah yang dijalankan itu ialah menjalankan penyelidikan bagi mendapatkan ilmu pengetahuan yang lebih canggih untuk digunakan sebagai senjata ajaib dalam melebihi kedudukan dan kebolehan bangsa dan negaranya sendiri semata-mata mahu mencapai sesuatu yang dicita-cita. Dalam berlumba-lumba itu mereka berusaha untuk mendapatkan sesuatu yang dimaksudkan itu bukan hanya setakat di bumi ini bahkan juga berlumba-lumba untuk mendapatkan sesuatu kebolehan itu hingga ke angkasa iaitu satu tempat yang belum banyak diterokai oleh manusia; apatah lagi hendak datang ke sana.

Melihat keadaan ini kita sebagai bangsa yang hendak melaksanakan tema 'Mempertingkatkan Daya Saing Bangsa' patut meneliti keadaan bangsa dan negara kita sendiri untuk mengetahui setakat mana sudah kemajuan yang dicapai dalam menandingi bangsa-bangsa yang telah maju itu dan di mana kedudukan kita setelah ketinggalan itu dan berapa jauh ketinggalan yang hendak dibubut<sup>1</sup> itu. Setelah diketahui jauh majunya ke hadapan pihak yang

---

<sup>1</sup> Dikejar.

hendak dibubut itu, berapa lama masanya lagi untuk kita dapat menyaingi mereka. Perlu disedari juga semasa kita membubut mereka yang telah maju ke hadapan itu mereka juga tidak berdiam diri melainkan terus maju dan terus berusaha untuk mencapai sesuatu yang lebih canggih lagi. Dengan demikian perjalanan mereka itu bukan berhenti di satu tempat melainkan terus maju dan terus mencari satu kecepatan perjalanan yang lebih deras dari semasa ke semasa. Usaha mereka yang gigih inilah juga yang akan mengakibatkan usaha kita semakin jauh ditinggalkan apa lagi jikalau kita tidak mempergandakan kecepatan langkah untuk menempuh kemajuan yang hendak kita capai itu.

Untuk mengetahui kedudukan ini bolehlah dimisalkan seperti orang yang menghidap sesuatu penyakit perlu berjumpa doktor. Sebelum mengubati doktor itu akan bertanya beberapa maklumat yang boleh menolongnya supaya penyakit orang itu dapat dipastikan. Dengan kata yang lain bukan doktor itu terus memberi ubat selarah-larahnya<sup>1</sup> melainkan diperiksa dengan teliti apa yang menyebabkan orang itu sakit. Untuk memastikan penyakit itu beberapa pemeriksaan yang dijalankan untuk mendapatkan maklumat lebih lanjut apakah yang menyebabkan orang itu sakit, seperti memeriksa darahnya dan menyukat berapa tinggi tekanan darahnya, bagaimana keadaan air kencingnya, disukat kekuatan pernafasan dan kekuatan jantungnya dan berbagai-bagai usaha untuk mengetahui apa sebenarnya penyakit orang itu.

Selepas diketahui penyakit itu dengan jelas baharulah diberi ubat untuk memperbaiki kerosakan badan yang diserang penyakit itu. Ubat yang diberi itu

---

<sup>1</sup> Maksudnya membuat sesuatu dengan sesuka hati (*Kamus Bahasa Melayu Brunei*, Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, 1991, h. 44).

pun bukan terus dapat memperbaikinya melainkan tertakluk kepada persesuaian keadaan badan dan kuman-kuman yang menyerang pesakit itu. Ketentuan sembuhnya penyakit itu tertakluk kepada kebijaksanaan doktor yang merawat itu sama ada pemeriksaannya itu tepat dan ubat yang diberikannya itu salulu<sup>1</sup> dengan penyakit orang yang diubati itu atau sebaliknya. Penelitian kesihatan tubuh badan inilah yang dimisalkan sama dengan keadaan bangsa dan negara yang mesti diselidiki apa sejarah bangsa dan negeri itu dan apakah sebab-sebabnya yang menjadikan sedemikian itu.

Perlu diketahui di manakah letaknya sukat-sukat keadaan kemajuan bangsa dan negara kita Brunei Darussalam ini yang telah dicapai itu dan apakah puncanya yang menyebabkan Brunei jauh ketinggalan daripada bangsa-bangsa dan negara lain di dunia ini. Perkara inilah yang perlu diselidiki dengan berpandukan keadaan bangsa kita pada masa yang lalu. Contoh yang lebih dekat pada masa sebelum perang dahulu keadaan bangsa kita orang Brunei kebanyakannya di dalam kemiskinan dan kemiskinan ini yang menyebabkan ilmu pengetahuan sukar didapati kerana pencapaian ilmu pengetahuan itu memerlukan wang dan pada masa itu bangsa kita sangat susah dan boleh dikatakan pendapatan tiap-tiap orang tidak mencukupi umpama, 'kais pagi makan pagi, kais petang makan petang' walaupun ada diantaranya orang yang mempunyai kekayaan tapi bilangannya sangat sedikit.

Keadaan kemiskinan orang Brunei pada masa itu dapat dilihat daripada keadaan rumah mereka yang kebanyakan bertiang nibung, berdinding pelupuh

---

<sup>1</sup> Serasi, sesuai (*Kamus Bahasa Melayu Brunei*, Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, 1991, h. 68).

atau kajang dan beratap daun nipah. Sedikit benar orang yang rumahnya bertiang kayu atau bulian, berdinding papan dan beratap bulian atau zink; jauh sekali bersuluhkan lampu elektrik dan air minum dari paip melainkan air itu didapat dari pancur atau kandang yang jauh dari rumah. Orang yang mempunyai kereta boleh dapat dibilang dengan jari. Begitu juga pakaian-pakaian yang selalu dipakai orang tiap-tiap hari kebanyakannya untuk menyempurnakan maksud menutup aurat sahaja dan jarang-jarang memakai pakaian yang jenis bermutu. Kalau diperhatikan keadaan orang yang berjalan di bandar kebanyakan berkaki ayam dan memakai terompah kayu, sedikit benar orang yang memakai kasut getah apatah lagi kasut kulit.

Persekolahan pada masa itu boleh dikatakan tidak teratur dengan selengkapnya dan guru-guru yang selayaknya pun belum didapati, hanya pengetahuan yang diajarkan oleh guru itu membaca, menulis dan sedikit-sedikit mengira. Alat-alat yang digunakan oleh murid-murid semasa belajar tidak juga sempurna hanya menggunakan loh batu tempat menulis dan pensilnya dari kalam loh juga. Di atas loh batu inilah murid menulis apa yang diajarkan oleh guru dan selepas itu dipadam semula dengan air. Hasil yang diajarkan itu tidak dapat dirujuk lagi hanya apa yang melekat di dalam fikiran itu sahaja yang menjadi perolehan.

Kalau dibandingkan dengan keadaan orang Brunei sekarang dengan orang Brunei yang dahulu sangat jauh bezanya, baik dari segi pendapatan yang lumayan, pakaian yang serba moden dan rumah yang cukup indah serta lengkap dengan perhiasannya. Tiap-tiap orang pada masa ini boleh dikatakan

kesemuanya berjam tangan dan tiap-tiap tiga orang mempunyai sebuah kereta dan orang-orang yang tahu menulis dan membaca melebihi dari 90 peratus. Kanak-kanak boleh dikatakan hampir kesemuanya sudah bersekolah dan pakaian mereka tiada lagi seperti dahulu melainkan lengkap dengan kasutnya dan beg tempat menyimpan buku. Manakala perjalanan ke sekolah menggunakan bas dan kereta.

Perlu disedari bahawa kemiskinan telah menyebabkan orang Brunei kekurangan ilmu pengetahuan yang diperlukan untuk mendapat pekerjaan yang lumayan penghasilannya sehingga disebabkan kekurangan ilmu pengetahuan itu telaga minyak yang disediakan oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala di perut bumi sendiri pun tidak diketahui, apalagi hendak diusahakan. Kiranya pada masa yang lalu itu orang Brunei mempunyai ilmu pengetahuan yang meluas minyak yang ada itu dapat diusahakan sendiri oleh orang Brunei sekurangnya ada juga peluang untuk menjadi pekerja di syarikat minyak itu. Kalau perusahaan itu dikendalikan oleh orang Brunei sendiri bukan hanya hasil cukai itu didapati oleh Kerajaan bahkan dari sisa minyak juga boleh dijadikan hasil tambahan kepada negara.

Apabila minyak ditemui di Seria pada tahun 1929, maka dari hasil minyak itu tidak semuanya dapat dinikmati oleh orang Brunei kerana orang Brunei tidak mempunyai ilmu pengetahuan untuk mendapatkan minyak itu melainkan berharap kepada cukai lima peratus dari penghasilan yang didapati; sedangkan menjadi pekerja-pekerja yang boleh mendapatkan gaji yang lumayan pun tidak dapat dirasai oleh orang Brunei kerana ketiadaan ilmu

pengetahuan yang diperlukan oleh perusahaan minyak itu. Ada juga orang Brunei diambil bekerja di dalam perusahaan minyak itu sebagai buruh kasar. Maka dari cukai yang diterima sebanyak lima peratus itulah yang digunakan oleh Kerajaan Brunei menyusun persekolahan yang lebih baik daripada yang sudah-sudah.

Pada tahun 1930, dua orang penuntut telah dihantar ke Maktab Perguruan Sultan Idris Tanjung Malim untuk mempelajari ilmu perguruan dan pada tahun 1933 tiga orang dihantar ke Malay College Kuala Kangsar untuk persekolahan Inggeris. Setelah balik, kedua-dua mereka yang telah belajar dari Maktab Perguruan Sultan Idris Tanjung Malim itulah yang ditugaskan menyusun persekolahan yang lebih baik. Memandang kepada keadaan tenaga mereka yang dua orang itu tentulah tidak boleh mengaturkan persekolahan yang sempurna apatah lagi untuk disebarluaskan ke seluruh negara kerana kemampuan mereka terhad. Selepas itu beransur-ansurlah guru-guru dihantar ke Maktab Perguruan Sultan Idris Tanjung Malim pada tiap-tiap tahun seramai dua orang dan kadang-kadang seorang kerana penghantaran itu bukan hanya tertakluk kepada keadaan kewangan tetapi tertakluk juga kepada penerimaan maktab itu.

Pengaruh guru-guru yang menuntut di Maktab Perguruan Sultan Idris Tanjung Malim yang menanamkan perasaan kasihkan bangsa dan tanah air telah tersebar luas di kalangan guru-guru dan muda-mudi pada masa itu. Kegiatan itu sentiasa diambil perhatian dan diawasi oleh orang putih yang menjadi pegawai Kerajaan pada masa itu. Pada tahun 1939, tatkala H.M.

Salleh mengatakan kepada guru-guru dan pemuda-pemuda, *“kita hendaklah kasihkan bangsa dan tanah air”* dalam pidatonya di perhimpunan Hari Raya yang diadakan di kawasan Sekolah Melayu Pekan Brunei, Jalan Sultan berdekatan dengan Makam Raja Ayang, pada esoknya beliau telah dipanggil oleh British Resident ke pejabatnya dan ditanya kenapa dalam perhimpunan itu pemuda diminta supaya kasihkan bangsa dan tanah air. Apabila ditanya balik oleh H.M Saleh, *Tidakkah tuan kasih kepada bangsa dan tanah air tuan?* Dia menjawab jangan jadi luyar buruk.

Pada tahun 1939 barulah Kerajaan Brunei mula menghantar penuntut ke Maktab Perguruan Sultan Idris Tanjung Malim seramai empat orang setahun dan pada masa penyusunan persekolahan itu baru hendak dikembangkan, tetapi pada tahun 1941 itu pula berlaku berperangan di Asia Timur yang mengakibatkan persekolahan di Brunei terus terganggu selama tiga tahun setengah dan seterusnya juga orang Brunei mengalami kesusahan yang sangat dahsyat. Semasa pendudukan Tentera Jepun di Tenggara Asia ini persekolahan di Brunei tidak tentu arah hendak dituju, kerana pengajarannya ditukar dengan belajar bahasa Jepun yang diajar oleh guru Melayu yang belum begitu pandai bahasa Jepun itu. Oleh kerana mereka itu kurang mahir dalam bahasa Jepun maka hasilnya tidak berkesudahan; hanya yang ketara murid-murid pandai menyanyi lagu-lagu Jepun. Dengan demikian itu dapatlah dibayangkan juga berapa jauhnya ketinggalan bangsa Brunei daripada orang lain.

Setelah Perang Dunia Kedua berakhir dalam bulan Ogos 1945 dan Tentera British mendarat di Brunei pada 10 Jun 1945 pihak *British Military Administration* telah membuka semula sekolah-sekolah Melayu mengikut keupayaan guru-guru yang ada pada masa itu yang kebanyakannya terdiri daripada guru yang tidak terlatih manakala guru-guru yang berkelulusan maktab perguruan dijadikan pemimpin kepada guru-guru yang tidak terlatih itu. Keadaan kesukaran guru-guru itu memberi pengajaran kepada murid-murid yang sedang di dalam kemiskinan pada masa itu dapat dijadikan gambaran bagaimana peningkatan ilmu pengetahuan yang boleh dicapai oleh orang Brunei.

Pada tahun 1947 apabila pentadbiran *British Military Administration* telah menyerahkan pentadbiran kepada Kerajaan Brunei dan masa itu barulah persekolahan diatur semula. Kerja-kerja itupun dijalankan dengan sedaya upaya yang boleh kerana guru-guru ramai yang tidak terlatih dan alat persekolahan tidak cukup seperti bangku dan meja termasuk buku-buku rupa-rupa dan buku bacaan; bertambah lagi ibu bapa murid-murid masih di dalam kemiskinan. Masa itu sedikit benar murid-murid yang memakai kasut dan pakaian mereka sama sahaja pada tiap-tiap minggu, tidak banyak yang bertukar-tukar; jauh sekali berpakaian khas seperti pakaian murid sekolah-sekolah sekarang, melainkan sedapat-dapat murid-murid itu sahaja.

Dalam penggunaan buku rupa-rupa pada masa itu tidak dapat ditetapkan satu buku bagi tiap-tiap mata pelajaran kerana kemampuan mereka satu atau dua buku sahaja. Maka buku rupa-rupa untuk semua mata



pelajaran itu terpaksa bercampur-campur dalam satu buku. Kalau musim menanam padi dan mengetam padi kedatangan murid bersekolah bagi anak petani sangat merosot kerana murid-murid itu dibawa bersama oleh ibu bapanya mengerjakan padi itu dan ada yang ditugaskan menunggu adik-adiknya semasa ibu bapanya bekerja.

Pada tahun 1950 apabila Sultan Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien telah menaiki takhta<sup>1</sup> keadaan Brunei yang serba kekurangan pada masa itu telah diambil perhatian berat oleh baginda; terutama pada masa itu orang Brunei yang akan diharapkan menjalankan pentadbiran Kerajaan belum ramai yang berkelayakan untuk memegang jawatan di jabatan Kerajaan. Oleh kerana itu mana-mana yang berilmu pengetahuan yang sedapat-dapatnya telah diaturnya menjawat jawatan yang boleh dijalankannya. Untuk menampung kekurangan pegawai-pegawai yang diperlukan maka terpaksa diambil dari luar negeri.

Baginda menyedari bahawa keadaan yang serba kekurangan ini tidak boleh dibiarkan, maka dengan sebab itulah pembangunan persekolahan telah dipesatkan yang bukan hanya sekolah Melayu yang perlu disusun semula, bahkan pada tahun 1953 sekolah Inggeris juga telah diadakan di Bandar Brunei dan Pekan Seria untuk membolehkan rakyat Brunei mendapatkan ilmu pengetahuan yang diperlukan oleh kehendak pentadbiran negara supaya pentadbiran Kerajaan dapat dijalankan oleh bangsa sendiri. Di samping itu

---

<sup>1</sup> *Brunei Annual Report 1951*, h. 1.

ada juga penuntut-penuntut yang dihantar ke Singapura untuk mempelajari hukum-hukum Islam di Sekolah Arab Al-Juned.

Memandang kepada keadaan persekolahan yang baru disusun itu memang belum dapat mencapai kemajuan yang memuaskan terutama sekolah Inggeris yang pada masa itu baru saja didirikan memang keputusan peperiksaannya tidak memuaskan dan penuntut-penuntutnya belum dapat menyesuaikan diri dengan keadaan persekolahan itu. Untuk mengatasi keadaan ini, Jawatankuasa Dermasiswa telah mencadangkan supaya murid-murid yang mengambil Tingkatan Tiga dihantar ke Singapura seramai 20 orang setahun iaitu 10 orang yang masuk ke Sekolah Melayu dan 10 orang ke Sekolah Inggeris untuk menseimbangkan pengajaran penuntut-penuntut yang belajar di Brunei. Penghantaran ini nampaknya menjadi satu persaingan kepada sekolah-sekolah di Brunei pada masa itu terutama sekali Sekolah Inggeris, kerana selepas rancangan ini dijalankan Sekolah Inggeris di Brunei telah bertukar corak dan ramai penuntut-penuntut yang meningkat kelulusannya.

Walau bagaimanapun, perlu disedari juga bahawa untuk menjadikan rakyat berpengetahuan itu bukanlah dapat diciptakan dengan serta merta, banyak masalah yang terkandung di dalamnya yang perlu diselesaikan terutama sekali kesusahan mendapatkan guru-guru yang berkelayakan. Keadaan kemiskinan rakyat Brunei pada masa itu sedikit sebanyak telah menjadi halangan kepada pencapaian ilmu pengetahuan yang diperlukan. Dengan sebab itu Sultan Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien telah

menitahkan supaya satu skim makan tengah hari diadakan di sekolah-sekolah untuk membantu kesihatan kanak-kanak yang miskin itu. Setelah skim itu dijalankan keadaan kesihatan murid-murid yang miskin nampaknya kelihatan lebih baik dari masa yang lalu. Begitu juga pencapaian ilmu pengetahuan mereka, kelihatan lebih baik dari masa yang lalu. Ini pernah disabdakan oleh Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Sallam yang mengatakan dalam bahasa Arabnya "*Al-aqlus salim fi jismis salim*" yang terjemahannya dalam bahasa Melayu "*Akal yang sempurna itu terdapat di dalam badan yang sihat*". Sehubungan dengan kesihatan dan kecekapan pencapaian ilmu pengetahuan ini pernah juga dikatakan dalam bahasa Latin '*Minsana incopre sand*' yang pengertiannya sama seperti yang disebutkan.

Dalam mendapatkan ilmu pengetahuan yang sempurna bukan hanya bergantung kepada kesempurnaan bangunan sekolah yang lengkap dengan peralatannya yang sesuai tapi juga bergantung kepada guru-guru yang bijak lagi jujur dan pandai menyampaikan pengajaran kepada murid-murid dengan mudah dan berkesan. Walau bagaimanapun perkara ini tertakluk juga kepada kemampuan penuntut-penuntut mempelajari ilmu pengetahuan itu yang disertai dengan usaha yang bersungguh-sungguh. Dengan demikian barulah dapat pengetahuan itu dicapai lebih mudah dan sempurna. Kelambatan mendapatkan guru-guru yang bijak inilah juga yang menjadikan orang Brunei tergendala mencapai ilmu pengetahuan yang dimaksud.

Sehingga tahun 1959 anak Brunei yang lulus Senior Cambridge hanya tiga orang. Dari keadaan ini dapat membayangkan sukat-sukat ilmu

pengetahuan orang Brunei pada masa itu. Berasaskan kekurangan ilmu pengetahuan dan kelemahan orang Brunei pada masa itu usaha untuk menghantar penuntut keluar negeri bagi mendapatkan ilmu pengetahuan tinggi semakin dipesatkan tanpa menghiraukan kelulusan tertentu, asalkan pihak maktab atau universiti menerimanya, kerana hendak menyempurnakan hasrat hati Sultan Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien yang bergagag-gagas<sup>1</sup> hendak melihat anak Brunei mentadbir negaranya sendiri.

Semasa menimbangkan permohonan penuntut-penuntut yang hendak dihantar keluar negeri yang dihadapkan kepada Jawatankuasa Dermasiswa, Pegawai Pelajaran Negara yang menjadi Pengerusi Jawatankuasa Dermasiswa itu selalu mengatakan bahawa penuntut yang hendak dihantar keluar negeri itu hendaklah mempunyai kelulusan tinggi yang bersesuaian, sekurangnya lulus Senior Cambridge gred 1 atau lulus Tingkatan Enam, kerana jika penuntut itu tidak mempunyai kelayakan yang secukupnya mereka akan tergendala mencapai sesuatu kelulusan yang dimaksudkan dalam universiti.

Akan tetapi ahli-ahli Jawatankuasa Dermasiswa pada masa itu yang sentiasa tergesa-gesa hendak memberi pelajaran kepada bangsa sendiri dan Pengerusi juga mahukan kelulusan penuntut seperti yang dimaksudnya, maka di dalam permesyuaratan selalu terjadi tawar-menawar kerana syarat yang dimaksudkan oleh Pengerusi pada masa itu sukar hendak dipenuhi oleh orang Brunei dan kalau syarat itu tidak diseimbangkan berkemungkinan tidak ada anak Brunei yang dapat dihantar keluar negeri. Setelah tawar-menawar pada

---

<sup>1</sup> Bercepat-cepat.

tiap-tiap kali bemesyuarat itu selalu tegang, masing-masing mengeluarkan hujahnya maka akhirnya satu ketetapan telah dibuat dimana orang yang hendak dihantar keluar negeri itu hendaklah lulus Tingkatan Lima peringkat '0'.

Oleh kerana hasrat hendak memenuhi jawatan-jawatan di jabatan Kerajaan dengan anak Brunei sendiri seberapa segera maka pemilihan mata pelajaran yang hendak dicapai oleh penuntut-penuntut pada masa itu tidak diambil kira melainkan apa sahaja yang dikehendaki oleh penuntut diluluskan sahaja asalkan ia boleh mendapat *degree*. Dengan demikian dari semasa ke semasa semakin ramailah penuntut Brunei yang telah berkelulusan tinggi sebagaimana yang dihasratkan tetapi lapangan kelulusan itu ada di antaranya tidak sesuai dengan penempatannya.

Apabila telah disedari ada diantara kelulusan penuntut-penuntut itu tidak bersesuaian dengan penempatannya, maka Jawatankuasa Dermasiswa telah mencadangkan supaya tiap-tiap jabatan memberi makluman kepada Jawatankuasa Dermasiswa apa jenis kelulusan yang dikehendaki oleh jabatan masing-masing termasuk Syarikat Minyak Shell Brunei supaya Jawatankuasa Dermasiswa dapat mengaturkan penuntut-penuntut yang akan menjalani kursus yang diperlukan itu; malangnya ketua-ketua jabatan pada masa itu tidak memberi jawapan di atas maksud itu.

Sesudah Majlis Pelajaran ditubuhkan dalam tahun 1972 maka dalam majlis itu telah mencadangkan Pusat Tingkatan Enam perlu ditubuhkan dan

untuk menyesuaikan taraf persekolahan tinggi itu guru-guru yang akan mengajar sebahagian besarnya didatangkan dari United Kingdom. Apabila guru-guru itu telah sampai ke Brunei sebelum menjalankan tugas, Pengerusi Majlis Pelajaran telah mengadakan jamuan teh untuk mengalu-alukan kedatangan guru-guru itu. Antara lain ucapan Pengerusi di majlis itu mengatakan bahawa guru-guru yang datang dari United Kingdom memang dipandang tinggi ilmu pengetahuannya dan berkebolehan untuk menyampaikan pengajaran kepada murid-murid. Oleh yang demikian mereka diharapkan akan menjalankan tugas menurut kebolehan masing-masing sebagai membuktikan sangkaan orang Brunei terhadap mereka bahawa mereka itu adalah orang yang mempunyai ilmu pengetahuan yang luas.

Bersebab dengan ucapan Pengerusi itu, Pegawai Pelajaran Negara, Dato 'Seri Laila Jasa A.D. Bumford kurang senang terhadap ucapan itu dan disangkaanya ucapan itu adalah hendak mencampuri urusan pentadbirannya. Perkara tersebut telah disampaikan kepada Menteri Besar dan aduannya itu diambil tindakan oleh Menteri Besar dengan mengadakan soalan kepada Pengerusi Majlis Pelajaran untuk bertanya apa sebab Pengerusi Majlis Pelajaran mencampuri urusan pentadbiran Jabatan Pelajaran. Tatkala ditanya apakah yang dicampuri itu? Tidak ada jawapan diterima melainkan dikatakan berkali-kali kenapa Pengerusi Majlis Pelajaran mencampuri urusan Jabatan Pelajaran. Pada hal urusan yang dilakukan itu adalah tanggungjawab Pengerusi Majlis Pelajaran untuk mengalakkan guru-guru yang datang dari United Kingdom itu bekerja dengan sempurna supaya pengajaran mereka kepada penuntut-penuntut menghasilkan keputusan yang baik. Walau

bagaimanapun guru-guru yang datang dari United Kingdom itu memahami maksud Pengerusi, mereka terus-menerus bekerja dengan bersungguh-sungguh.

Apabila kesedaran terhadap keperluan pencapaian ilmu pengetahuan semakin meningkat dan murid-murid semakin ramai maka sekolah di Bandar Brunei menghadapi kesempitan dan ramai murid-murid yang tidak dapat ditempatkan, maka Majlis Pelajaran telah mencadangkan supaya Sekolah Rendah dibangunkan di Kampong Ayer untuk membolehkan murid-murid di Kampong Ayer itu tidak payah lagi ke Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam (SMJA) dan Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah (RIF). Maka dengan sebab kemudahan itu murid-murid di Kampong Ayer telah merasa lebih senang belajar di kampung mereka sendiri dan kemajuan mereka didapati lebih baik dari masa yang lalu. Kesempitan yang telah berlaku ini disebabkan Pegawai Pelajaran Negara kurang mengambil perhatian untuk mengatasi perkembangan tambahan murid-murid dari satu masa ke satu masa.

Penubuhan Majlis Pelajaran juga telah mengasaskan perancangan pengajian tinggi sehingga terdirinya Universiti Brunei Darussalam. Gedung ilmu inilah diharapkan akan melahirkan para cerdik pandai hingga berkelulusan pakar bagi menyediakan sumber tenaga manusia yang berkualiti yang diperlukan oleh Brunei dari semasa ke semasa. Ke arah ini perlu ada pengkajian dan perancangan yang rapi untuk kita mendudukkan anak Brunei

bakal menjadi pakar dan pemimpin bagi meningkatkan keupayaan kita dibidang-bidang tertentu bersaing dengan orang lain.

Langkah memberikan ilmu pengetahuan kepada rakyat Brunei untuk menghapuskan kemiskinan dan membolehkan mereka melaksanakan sesuatu tugas di dalam sesuatu lapangan pekerjaan atau sesuatu perusahaan yang diperlukan oleh negara dari semasa ke semasa terus dipesatkan. Sekolah-sekolah yang diperlukan telah dibangunkan di seluruh pelusok negara untuk memenuhi keperluan yang dikehendaki dalam mencapai ilmu pengetahuan yang diperlukan termasuk membangun maktab-maktab dan universiti di negara ini.

Hasil dari usaha yang telah dijalankan Alhamdulillah, syukur kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala yang telah melimpahkan rahmat kepada orang Brunei kerana banyak orang Brunei yang telah mencapai ilmu pengetahuan yang dikehendaki oleh pembangunan bangsa dan negara. Serta dapat memegang jawatan-jawatan penting untuk mentadbir kewangan Kerajaan. Sesudah negara Brunei mencapai kemerdekaan selama 22 tahun rakyat Brunei yang telah mendapat kelulusan tinggi seramai 9057 orang dan telah dapat memenuhi jawatan-jawatan yang bukan hanya di jabatan-jabatan Kerajaan bahkan di Syarikat Minyak Shell Brunei juga beransur-ansur orang Brunei telah diberi peluang bekerja juga hanya dalam sesuatu bidang kepakaran belum dapat dipenuhi oleh orang Brunei.



Kejayaan yang telah dicapai dalam usaha untuk memberikan ilmu pengetahuan kepada rakyat Brunei telah dapat dirasakan nikmatnya oleh Brunei sendiri dan pada keseluruhannya menjangkau jawatan penting yang pendapatannya lumayan juga telah dinikmati sama. Keadaan rumah kediaman orang Brunei juga kelihatan selesa, persekolahan anak-anak telah teratur dan lebih baik daripada masa yang telah lalu dan tiap-tiap orang mempunyai satu kereta. Kurnia Allah Subhanahu wa Ta'ala sedemikian ini hendaklah disyukuri oleh orang Brunei dengan menjunjung segala perintah Allah Subhanahu wa Ta'ala dan menjauhi laranganNya supaya kurnia Allah Subhanahu wa Ta'ala itu bertambah banyak lagi seperti yang tersebut dalam Al-Quran, Surah Ibrahim ayat 7 yang tafsirannya *“Demi sesungguhnya! Jika kamu bersyukur nescaya Aku tambahi nikmat yang ada pada kamu, jika kamu kufur (tidak berterima kasih), Sesungguhnya siksaan Ku amat keras”*.<sup>1</sup>

Pencapaian kemajuan Brunei sekarang yang lebih jauh baiknya berbanding dengan keadaan orang Brunei masa dahulu terutama baiknya itu dari segi ilmu pengetahuan, kesihatan, perumahan, pakaian dan keadaan persekolahan anak-anak pada masa ini adalah sesuatu pencapaian kejayaan yang cemerlang. Begitu juga keadaan Kemajuan Prasarana negara sangat berbeza daripada Brunei yang dahulu yang mana sekarang dipenuhi oleh jalan-jalan raya yang berselerak sehingga ke pelusok negara, kemudahan elektrik, air, telefon dan bangunan-bangunan boleh dikatakan merupakan satu perubahan besar kepada orang Brunei. Di tiap-tiap mukim di semua daerah dibangunkan sekolah dan masjid-masjid.

---

<sup>1</sup> Prof. Dr. H. Mahmud Yunus, *Tafsir Al-Quran Karim*, P.T. Hidakarya Agung, Jakarta, h. 86, h. 361.

Peningkatan kemajuan Brunei yang telah dicapai belumlah sampai kepada matlamat yang perlu didapat dan kalau dibandingkan dengan keadaan kemajuan bangsa-bangsa lain yang hendak disaingi kemajuannya kerana Brunei masih lagi tertinggal dan banyak lagi usaha yang perlu dirancang untuk memenuhi kekurangan yang masih ketinggalan itu. Dalam meninggikan dan meluaskan ilmu pengetahuan perlu disesuaikan dengan pekerjaan rakyat Brunei yang akan dicadangkan dan dengan perusahaan yang hendak dijalankan supaya sesuatu kerja yang diusahakan itu dapat menjadi mata pencarian kepada rakyat Brunei. Dalam mengukuhkan daya saing ini perekonomian yang kukuh dan stabil perlu disusun rapi untuk mempertahankan kedudukan perekonomian negara dan kesenangan yang dicapai pada masa itu dapat dinikmati terus menerus. Maka kekurangan yang menyebabkan Brunei masih ketinggalan perlu diselidiki dan dijadikan asas perancangan oleh pihak yang bertanggungjawab dalam melaksanakan daya saing bangsa dan negara.

Sebab-sebab yang menjadikan negara dan bangsa Brunei tertinggal jauh ke belakang dari negara dan bangsa lain mustahak diambil perhatian supaya kesilapan itu tidak berulang lagi seperti kekurangan ilmu pengetahuan yang canggih, kekurangan kepakaran dalam satu lapangan pekerjaan yang menyebabkan sesuatu pekerjaan yang hendak dibuat itu tidak banyak hasilnya diraih oleh orang Brunei sendiri. Untuk maksud ini pencapaian ilmu pengetahuan yang canggih dan kepakaran dalam sesuatu lapangan pekerjaan perlu dirancang supaya orang Brunei sendiri boleh melaksanakan sesuatu usaha yang hendak dijalankan. Sebab itu untuk melatih pakar tidak boleh

dilengah-lengahkan kerana keperluan ini sangat diperlukan oleh sesuatu perancangan negara yang dihasratkan supaya sesuatu perkara yang hendak diusahakan tidak miris<sup>1</sup> penghasilannya.

Perlu difikirkan dengan sedalam-dalamnya kesenangan yang sedang dinikmati oleh orang Brunei pada masa ini adalah disebabkan dari hasil minyak dan gas yang mana kedua-dua perkara ini pada suatu ketika akan habis. Pada waktu itu apa akan terjadi kepada Brunei jika tidak ada suatu penghasilan yang menjadi penggantinya. Oleh yang demikian sebelum terjadi perkara ini perlu difikirkan sedalam-dalamnya dan usahakan rancangan yang akan dijalankan sebelum sampai masanya bagaimana hendak mengatasi kejadian yang akan berlaku itu. Usaha-usaha itu memerlukan kepakaran orang Brunei sendiri untuk memastikan usaha itu boleh mendapatkan penghasilan yang boleh menampung perbelanjaan Brunei untuk mempertahankan kesenangan yang sedang dinikmati sekarang ini. Jangan sampai terjadi berulang kemiskinan yang diderita pada masa yang lalu sehingga Brunei terpaksa berhutang kepada negara lain. Akibat berhutang perlu difahami bahawa syarat yang lazimnya dikenakan kepada pihak yang berhutang itu terpaksa menurut kata orang yang memberi hutang itu.

Dalam melaksanakan sesuatu perusahaan itu memang banyak masalah-masalah yang akan ditempuh dan memerlukan kepakaran yang canggih supaya dapat menyusun rancangan yang sempurna dan kalau ada sesuatu masalah yang ditempuh dapat diselesaikan. Sebagai misal, dalam

---

<sup>1</sup> Bocor sedikit, tiris (*Kamus Bahasa Melayu Brunei*, Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, 1991, h. 52).

perusahaan pemerosesan pasir putih yang akan dijadikan kaca dijadikan suatu benda yang akan diperniagakan atau dijual untuk menjadi hasil negara sudah tentu memerlukan pakar bagi perusahaan itu kerana perancangan perusahaan ini bukan semata-mata keuntungannya sahaja yang didapati dari perusahaan itu, tetapi kalau urusannya tidak betul kerugian yang akan menimpa. Untuk melaksanakan perkara ini sudah tentu akan memerlukan ilmu pengetahuan yang canggih termasuk kepakaran mahir terutama sekali masalah pemasaran barang yang telah dihasilkan itu akan menghadapi saingan harga dan kualiti barang yang telah diperbuat itu. Jika pengurusan itu tidak dapat menarik hati pembelinya, berkemungkinan penghasilan itu terbengkalai.

Selain daripada itu teknikal *know how* dan ilmu pengetahuan yang diperlukan bagi mendapatkan kualiti barangan yang bermutu juga perlu didapatkan cara mengatasinya. Untuk mendapatkan perkara yang disebutkan itu tertakluk kepada kemampuan penuntut-penuntut yang akan mempelajari ilmu pengetahuan yang diperlukan itu. Perkara inilah perlu diselidiki dan difikirkan sehalus-halusnya bagaimana cara hendak mengatasi masalah yang ditempah dan apa jenis ilmu pengetahuan yang sesuai dengan kehendak usaha yang hendak dijalankan itu supaya perusahaan yang akan dijalankan itu berjaya termasuk cara menjayakan urusan pemasarannya. Perlu diambil kira juga perusahaan yang hendak dijalankan itu adalah dimaksudkan untuk mengadakan mata pencarian bagi seluruh rakyat Brunei supaya setiap rakyat akan berpeluang mendapat pekerjaan bagi menampung sara hidup yang bersesuaian.

Antara lain usaha yang boleh menyelamatkan kekukuhan perekonomian negara pengaliran wang keluar negeri seberapa yang boleh perlu dielakkan dengan mengadakan usaha bagi sesuatu yang diperlukan oleh negara hendaklah diungkayahkan dalam negeri dan dicari jalan bagaimana hendak melaksanakan kejayaan usaha itu dengan jalan mendapatkan maklumat yang diperlukan oleh usaha itu supaya maksudnya dapat diselenggarakan lebih sempurna dan dapat menjadi mata pencarian yang lumayan kepada rakyat yang mengerjakannya. Untuk mendapatkan maklumat itu melalui ilmu pengetahuan yang dihasilkan dari penyelidikan dan percubaan yang terus menerus diusahakan sehingga tercapai sesuatu yang dimaksud mendapat keputusan yang lebih baik. Untuk menjayakan sesuatu usaha yang sedemikian ini memang banyak menempuh kesukaran dan halangan, maka orang tabah dan kuat semangatnya sahaja yang akan mencapai kejayaan itu Insya Allah, seperti yang disabdakan oleh Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi wa Sallam yang tafsirnya, *"Barangsiapa bersungguh-sungguh hendak mendapatkan sesuatu nescaya akan didapatnya"*.

Begitu juga usaha untuk mengurangkan perbelanjaan Kerajaan supaya kelebihan wang yang dijimatkan itu dapat digunakan untuk sesuatu perkara lain yang berfaedah perlu dicari juga jalannya. Misalnya, perbelanjaan perubatan boleh dikurangkan dengan jalan rakyat diberi panduan bagaimana hendak menjaga kesihatan yang sempurna seperti menentukan makanan yang patut dimakan dan menggalakkan rakyat mengamalkan pergerakan jasmani yang berkesan dan mengadakan padang-padang untuk riadah dan sebagainya supaya rakyat sentiasa sihat seperti yang dimaksudkan oleh pepatah Inggeris

*“Prevention is better than cure”*. Kalau kesihatan rakyat sudah baik dan penyakit-penyakit berkurangan maka perbelanjaan khusus merawat orang sakit dan membeli ubat akan berkurangan juga.

Perkara yang perlu diselidiki lagi bahawa keadaan orang Brunei yang pada masa sekarang sudah mempunyai cerdik pandai yang berkelulusan tinggi hampir mencapai ke angka sepuluh ribu orang yang sepatutnya tenaga yang seramai itu boleh menghasilkan kemajuan yang lebih baik dari keadaan Brunei pada tahun 1959 yang hanya mempunyai tiga orang kelulusan Senior Cambridge. Apakah sebab perkara yang sedemikian berlaku? Inilah yang sepatutnya difikirkan oleh cerdik pandai yang ada sekarang bagaimana untuk mencari sebab-sebabnya dan menyelesaikan masalah-masalah yang terkandung di dalamnya supaya negara Brunei jangan sampai terumbang ambing di dalam dunia yang sedang menghadapi globalisasi ini.

Anak Brunei yang telah banyak mencapai ilmu pengetahuan di peringkat tertinggi dan mempunyai kelulusan dalam berbagai bidang memang disyukurkan tetapi dalam membuat sesuatu keputusan masih banyak yang tidak merujuk kepada Al-Quran. Kerana ilmu pengetahuan yang didapat dari Barat itu masih kuat pengaruhnya dan bahasa Al-Quran pun belum banyak diketahui oleh cerdik pandai Brunei; padahal Al-Quran itu adalah satu pembacaan yang tertinggi sekali daripada segala buku-buku yang lain di dunia ini dan di dalamnya terkandung berbagai-bagai ilmu yang patut diketahui. Kelebihan Al-Quran bukan sahaja perlu dijadikan rujukan tetapi juga perlu dikaji isi di dalam untuk mendapatkan keseluruhan ilmu yang terkandung di

dalamnya. Sebab itulah sesuatu penilaian yang hendak dilakukan perlu dirujuk kepada Al-Quran supaya sesuatu keputusan itu tepat dan dapat membezakan yang mana kaca dan yang mana intan.

Cuba perhatikan dan fahamkan maksud yang disabdakan oleh Al-Marhum Sultan Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien yang dimuatkan di bawah ini:

*“Bukanlah Beta hendak bertiada terhadap keadaan negara kita yang sudah ramai mempunyai orang Brunei yang pandai-pandai, kerana kepandaian mereka itu telah dibuktikan oleh tulisan di dalam sijil atau ijazah mereka, tetapi kepandaian itu tidak memadai tanpa kebijaksanaan dan kejujuran; lebih-lebih lagi kalau hasil daripada usaha yang telah dijalankan oleh seseorang itu belum nampak, kerana suatu penilaian terhadap kebolehan atau kecekapan yang dikehendaki bagi seseorang yang berkelulusan itu bukan sahaja dikira daripada bilangan ramai tubuhnya atau bilangan banyak keping-kepingan sijil atau ijazahnya, tetapi yang lebih penting berapa banyak sudah jasa-jasa yang telah dihasilkannya yang mendatangkan faedah kepada bangsa dan negara. Sebab itu kata orang tua-tua ilmu sedikit yang diamalkan itu lebih berfaedah daripada ilmu yang banyak yang hanya diambau-ambaukan, apatah lagi kalau ilmu itu semata-mata untuk kepentingan diri sendiri tanpa disertai dengan kejujuran yang semata-mata kerana Allah, sudah tentu*

*ilmu yang sedemikian tidak mendatangkan manfaat kepada bangsa dan negara. Allah tidak mungkir kepada janji-Nya melainkan hamba-Nya yang menukar nasibnya.”*

Dalam usaha untuk mencapai daya saing bangsa ini perlu diambil perhatian juga supaya jangan ada di kalangan bangsa Brunei memiliki perasaan dengki mendengki, khianat mengkhianati atau mengadakan sesuatu fitnah kepada bangsa sendiri kerana fitnah itu sangat membahayakan seperti yang telah disebutkan dalam Al-Quran, Surah Al-Baqarah ayat 191 yang tafsirnya, *“Fitnah itu lebih berbahaya dari pembunuhan”*.<sup>1</sup> Oleh yang demikian perkara ini perlu diambil perhatian supaya jangan ada di kalangan bangsa kita yang menjadikan amalan perasaan yang buruk ini. Untuk mengelakkan perkara ini perlu difahamkan bahawa dalam usaha untuk mencapai daya saing berbangsa ini dikalangan orang Brunei hendaklah bersatu hati kerana perkara ini adalah sangat diperlukan dalam membangun bangsa dan negara. Untuk menguatkan perkara ini bolehlah dirujuk kepada pepatah Inggeris yang berbunyi *“Your progress is my progress and vice versa”* supaya dapat difahamkan makna dan maksudnya.

Untuk mencapai maksud ‘Mempertingkatkan Daya Saing Bangsa’ ini orang Brunei perlu mengetahui setakat mana ilmu pengetahuan yang telah didapati oleh orang Brunei berbanding dengan ilmu pengetahuan yang telah didapati oleh orang lain yang hendak disaingi itu. Berapa jauh ketinggalan orang Brunei dalam lapangan kemajuan dan dalam lapangan ilmu

---

<sup>1</sup> Prof. Dr. Mahmud Yunus, *Tafsir Quran Karim*, P.T. Hidakarya Agung, Jakarta, 1986, h. 40.



pengetahuan dari bangsa lain yang hendak disaingi itu. Maka perkara ini perlulah diketahui dan dikaji oleh orang Brunei untuk menyukat berapa jauh lagi yang hendak dibubut oleh orang Brunei itu. Perlulah diketahui juga kedudukan ekonomi negara Brunei masa akan datang samaada boleh atau tidak menyempurnakan tanggungjawab negara. Apa perusahaan yang boleh dijalankan oleh orang Brunei untuk menjadi pengganti hasil minyak dan gas pada masa akan datang. Maka dalam melaksanakan usaha yang sangat ketara inilah memerlukan pakar-pakar yang terdiri daripada orang Brunei untuk merancangnyanya supaya jangan terus tertinggal jauh di belakang.

Usaha untuk membubut kemajuan orang lain yang telah jauh di hadapan itu memerlukan perancangan kecepatan langkahnya yang berlipat ganda yang lazimnya memerlukan kepakaran yang canggih dan ahli pemikir yang bijaksana yang akan ditugaskan untuk menjalankan perancangan itu dan rancangan mengadakan latihan pakar itu perlu disegerakan. Cara melatih bakal pakar yang hendak dilatih itu boleh dijalankan pemilihannya bermula dari umur kanak-kanak enam tahun. Pemilihan kedua murid terbaik dalam peperiksaan untuk menaiki tingkatan satu, pemilihan ketiga penuntut terbaik dalam tingkatan lima dan pemilihan keempat orang yang terbaik dalam mencapai sesuatu *degree* yang dimaksud. Bagi pegawai yang ada boleh dipilih dari orang mempunyai kelulusan yang terbaik dalam sesuatu lapangan yang telah nyata bakatnya. Maka pakar yang dimaksudkan inilah yang diharapkan untuk menjayakan rancangan-rancangan yang hendak dijalankan untuk membubut kemajuan bangsa yang sudah jauh meninggalkan bangsa kita itu.

Usaha untuk mencapai kejayaan rancangan-rancangan itu hendaklah dijalankan dengan gigih disertai dengan semangat waja yang sanggup berdaya saing dengan orang lain, tidak mengenal susah payah dan rintangan yang menghalangnya melainkan cita-cita yang dimaksud terus diusahakan dengan bersungguh-sungguh semata-mata untuk mencapai kejayaan yang dihasratkan. Semangat yang digunakan itu bukan semangat lilin yang senang dibentuk tetapi terkena panas terus hancur dan bukan semangat timah yang senang dicorakkan, tetapi tidak boleh digunakan di dalam perjuangan kerana lembut. Semangat yang dimaksud ialah semangat waja yang mempunyai balan dan boleh digunakan di dalam perjuangan.

Perlu difahaman juga firman Allah Subhanahu wa Ta'ala seperti yang disebutkan dalam Al-Quran Surah Al-Hujuraat, ayat 13,

*“Hai manusia, sesungguhnya kami menciptakan kamu dari seorang laki-laki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertaqwa di antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mengenal”*

Setelah ilmu pengetahuan itu telah didapati apakah langkah yang patut dijalankan dengan menggunakan ilmu pengetahuan yang telah didapati itu untuk mengusahakan apa yang ada dalam negara yang telah dikurniakan Allah Subhanahu wa Ta'ala seperti tanahnya, bukitnya, sungainya, lautnya dan

sebagainya supaya seberapa banyak penghasilan boleh didapatkan dari luar dan seberapa boleh dikurangkan aliran wang ke luar negeri agar kemakmuran Negara Brunei Darussalam ini bertambah-tambah dari semasa ke semasa. Perusahaan yang dijalankan itu perlu dikaji untuk memastikan bahawa rancangan itu mendatangkan hasil supaya tiap-tiap rakyat Brunei ini mempunyai pekerjaan untuk menyempurnakan kehidupan masing-masing. Disamping itu daya saing bangsa sentiasa dipertingkatkan untuk membubut kemajuan-kemajuan yang telah dicapai oleh bangsa lain. Walau bagaimana pun kalau kejayaan yang disebutkan telah dicapai pun belum lagi sempurna jika tidak disertai dengan taqwa kerana yang paling mulia di sisi Allah ialah hambaNya yang taqwa seperti yang telah disebutkan.

Sehubungan dengan ini segala usaha yang telah dijalankan itu walaupun telah mendapat kejayaan sebagaimana yang dihasratkan pun masih belumlah boleh dikatakan tercapainya matlamat yang terakhir untuk dituju, kerana kesenangan yang dinikmati itu hanya semasa hidup di dunia ini sahaja menurut umur yang hadnya setinggi-tinggi 100 tahun, dan selepas hidup dunia ini manusia akan hidup lagi di alam akhirat yang kekal selama-lamanya dan lebih baik, seperti yang tersebut dalam Al-Quran, Surah Al-A'ala ayat 17 yang tafsirnya "*Sedang akhirat itu lebih baik dan lebih kekal*". Inilah sebabnya kesenangan hidup di akhirat itu perlu diusahakan lebih utama dengan membanyakkan amal soleh, supaya kebahagiaan hidup yang lebih baik itu tercapai, seperti yang tersebut dalam Al-Quran, Surah Al-Kahfi ayat 107 yang tafsirnya "*Sesungguhnya orang yang beriman dan beramal soleh adalah bagi mereka syurga Firdaus sebagai tempat tinggalnya.*"

Perlu difahamkan sedalam-dalamnya maksud Allah Subhanahu wa Ta'ala menjadikan jin dan manusia semata-mata untuk beribadat kepadaNya sahaja seperti yang disebutkan dalam Al-Quran, Surah Az-Zaariat ayat 56 yang tafsirnya "*Tiada Aku jadikan jin dan manusia melainkan untuk beribadat kepada Ku.*" Oleh sebab itu semasa hidup di dunia ini manusia perlu beribadat sebanyak-banyaknya untuk mengisikan masa hidupnya dengan beribadat yang boleh mendapatkan keredhaan Allah Subhanahu wa Ta'ala supaya termasuk di dalam golongan orang yang diredhai Allah Subhanahu wa Ta'ala pada hari Kiamat seperti yang tersebut dalam Al-Quran, Surah Al-Fajr ayat 27-30 yang tafsirannya "*Hai orang-orang yang berjiwa tenang pulanglah kamu kepada Tuhan mu dengan keredhaanNya dan masuklah engkau ke dalam kumpulan orang yang diredhaiNya dan masuklah ke dalam SyurgaKu.*"

Cara menyediakan ibadat untuk bakal hidup di akhirat itu seperti dalam Al-Quran, Surah Al-Qashas ayat 77 yang tafsirnya "*Dapatkanlah apa yang dianugerahkan Allah kepada mu untuk kebahagiaan di akhirat dan janganlah kamu melupakan nasib mu di dunia.*" Semasa hidup di dunia ini seberapa boleh hidup ini dipenuhi dengan ibadat dan di samping itu jangan dilupakan pula nasib di dunia yang menjadi syarat hidup yang perlu diusahakan dengan bersungguh-sungguh juga supaya semasa hidup di dunia ini sentiasa mendapat kesenangan dan kebahagiaan.

Syarat hidup di dunia sangat bergantung kepada wang yang diperlukan untuk menyempurnakan maksud hidup itu dan wang itu boleh didapati melalui

suatu pekerjaan atau perusahaan. Sesuatu pekerjaan atau perusahaan kejayaannya adalah tertakluk kepada ilmu pengetahuan yang diperlukannya dan banyak hasil yang akan didapati daripadanya juga akan tertakluk kepada meluasnya dan tingginya ilmu pengetahuan yang didapati oleh pengusahanya. Dengan sebab itulah usaha untuk mendapatkan ilmu pengetahuan itu perlu dipesatkan supaya banyak ilmu pengetahuan yang didapati dan seterusnya akan bertambah hasil dari usaha yang dijalankan itu. Syarat yang terpenting untuk mencapai ilmu pengetahuan dimaksud kedudukan perekonomian negara hendaklah kukuh.

Untuk mencapai ekonomi yang kukuh dan ibadat yang dimaksud itu kesungguhan melaksanakannya sangat diperlukan seperti yang dikatakan dalam hadith yang tafsirnya seperti berikut, “*Kerjakanlah bersungguh-sungguh untuk usaha duniamu seolah-olah engkau hidup selama-lamanya dan kerjakanlah ibadat untuk akhiratmu seolah-olah kamu akan mati pada esoknya.*”<sup>1</sup> Dengan demikian kesungguhan bekerja bagi sesuatu usaha untuk mendapatkan kekukuhan ekonomi yang hendak dicapai bagi bangsa dan negara itu adalah sangat mustahak dipesatkan supaya banyak hasil yang dapat dicapai dan boleh digunakan untuk membangun bangsa dan negara untuk dijadikan ibadat.

Oleh kerana hidup di dunia perlu dipenuhi dengan ibadat maka segala usaha-usaha yang dijalankan boleh menjadi ibadat untuk

---

<sup>1</sup> Telah diriwayatkan oleh Qutaibah daripada Ubaidillah bin Al Azizar daripada Abdullah bin Omar. Kitab “*Salasilah Ahadith Daif wal Maudhu’ah wa aatharuha As Saiye’ fil ummah*” diulas oleh Mohamad Nasir Al Bani, cetakan ke lima Maktabah Al-Islami Beirut, 1985M, 1405H, Jilid 1, h. 20.

mendapatkan keredhaan Allah Subhanahu wa Ta'ala sebagaimana yang dimaksudkan Allah Subhanahu wa Ta'ala tatkala menjadikan jin dan manusia dengan syarat sesuatu yang diperbuat atau dikerjakan itu diniatkan semata-mata kerana Allah Subhanahu wa Ta'ala dan perkara yang dibuat itu tidak berlawanan dengan hukum Allah Subhanahu wa Ta'ala. Dengan hal yang demikian segala apa jua usaha yang dijalankan untuk menyempurnakan nasib hidup di dunia akan menjadi amal yang soleh yang boleh menjadi ibadat untuk mendapatkan keredhaan Allah Subhanahu wa Ta'ala dan diharapkan menjadi bekalan kesenangan hidup di akhirat nanti asalkan diniatkan semata-mata kerana Allah Subhanahu wa Ta'ala.

## BIBLIOGRAFI

**Brunei Annual Report 1951.**

**Haji Mohd. Salleh Abdul Latif, Menyusur Zaman: Biografi Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin, Minda Kreatif Publishing, Brunei Darussalam, 2004.**

**Jatswan S. Sidhu, Sejarah Sosioekonomi Brunei 1906 – 1959, Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur, 1995.**

**Kamus Bahasa Melayu Brunei, Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, 1991.**

**Kamus Dewan (edisi ketiga), Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur, 1997.**

**Kitab Salasilah Ahadith Daif wal maudhu'ah wa aatharuha As Saiye' fil ummah, di ulas oleh Mohamad Nasir Al Bani, cetakan ke lima maktabah Al-Islami Beirut, 1985M 1405H, Jilid. 1.**

**Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, Liku-liku Perjuangan Pencapaian Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam, Jabatan Pusat Sejarah, 1992.**

\_\_\_\_\_, **Penyair Diraja: Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Pusat Sejarah Brunei, 1987.**

\_\_\_\_\_, (penyusun), **Rancangan Pelaksanaan Dasar Pelajaran Baru Laporan Suruhanjaya Pelajaran Negeri, Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.**

**Prof. Dr. H. Mahmud Yunus, Tafsir Quran Karim, P.T. Hidakarya Agung, Jakarta, 1986.**

**Yura Halim: Ririsej Brunei Darussalam, Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, 2002.**